

**Program Umno Bukan Terbatas Kepada Kelompok Anggota Sahaja
Bernama
Ogos 01, 2011**

BERA, 1 Ogos (Bernama) -- Program dan aktiviti Umno bukan hanya terbatas kepada kelompok anggotanya sahaja tetapi perlu penyertaan bangsa dan kaum lain di negara ini.

Anggota Parlimen Bera Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata dengan pelbagai aktiviti seperti bersukan, beriadah, gotong-royong dan kegiatan masyarakat setempat, secara tidak langsung ia boleh merapatkan perhubungan di antara satu sama lain dan sekaligus menguatkan parti.

Katanya Umno yang merupakan tonggak kekuatan Melayu tidak hanya berjuang untuk orang Melayu semata-mata tetapi kepada lain-lain kaum.

"Pemimpin Umno di semua peringkat perlu proaktif turun padang berganding bahu membela nasib rakyat tanpa mengira bangsa dan agama, siapa yang susah dan bermasalah akan dibantu," katanya ketika berucap di majlis perjumpaan bersama 200 pemimpin Umno pelbagai peringkat bahagian Bera di sini semalam.

Beliau yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan berkata aktiviti Umno perlu banyak melibatkan penyertaan golongan muda kerana kalangan ini merupakan jentera penentu kejayaan pembangunan masa depan negara.

"Orang muda penting, justeru mereka tidak boleh disisihkan dan penglibatan mereka dalam aktiviti parti boleh menggerakkan kegiatan dan secara tidak langsung menguatkan Umno," katanya.

Ismail Sabri turut mengarahkan semua cawangan termasuk Pemuda, Wanita dan Puteri di bahagian itu mempersiapkan jentera dan bilik gerakan sebagai persediaan menghadapi pilihan raya umum akan datang.

--BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newspolitic.php?id=605291>